

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DATUK SERI PANGLIMA  
MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan pelarian perang Filipina yang berada di Sabah pada ketika ini dan sampai bilakah mereka ini dibenarkan tinggal di Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Hasil daripada semakan silang yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Sabah, Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan Jabatan Ketua Menteri Sabah pada tahun 2016, pihak kerajaan telah mengenalpasti seramai **136,055 orang pelarian Filipina** yang berada di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, Kerajaan mengklasifikasikan mereka kepada 3 kategori iaitu:

- i. **51,645 orang** - Pemegang pas IMM13;
- ii. **47,518 orang** - Pemegang Sijil Bancian Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan (**pelarian tanpa pas IMM13**); dan
- iii. **36,892 orang** – Pemegang Sijil Burung-Burung (**pelarian tanpa pas IMM13**).

2. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Menteri Dalam Negeri pada 14 Jun 2020, kerajaan akan melaksanakan penyelarasan kepelbagaian dokumen pelarian perang Filipina di Sabah, di mana IMM13 ini akan menjadi dokumen tunggal bagi pelarian Filipina di Sabah yang dilaksanakan secara berperingkat.

3. IMM13 merupakan dokumen yang perlu diperbaharui setiap tahun dan mempunyai syarat yang ketat terhadap pemegangnya. Pemegang IMM13 perlu memperbaharui dokumen berkenaan untuk memastikan mereka sah berada di negeri Sabah. Bagi pemegang IMM13 yang tamat tempoh atau melakukan kesalahan jenayah, mereka akan diusir serta disenarai hitamkan.

Sekian, terima kasih.